

BE Lifestyle Travel ke Dubai



“

Lakukannya sepenuh hati dan jangan goyah

RCCA Khor Seng Hock & Loke Geok Hong

Ketua Pegawai Operasi & Suri Rumah

Setelah bekerja dengan industri pembinaan selama 35 tahun, RCCA Khor Seng Hock (KK) meletakkan jawatan dari jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi di sebuah syarikat yang disenaraikan di BSKL pada tahun 2011 dan memulakan separa persaraannya dengan isterinya RCCA Loke Geok Hong. Mereka mengembara ke negara lain, terlibat aktif dengan aktiviti penganut Buddha dan kerja sukarelawan, semasa menjalankan kedai mereka, Enzyme Shop, untuk mempromosikan naturopati dan homeopati memandangkan mereka adalah penyokong konsep kesihatan ini setelah sekian lama.

Pada 2018, apabila KK dan Geok Hong mengetahui daripada guru tuisyen anak-anak mereka bahawa Aulora Pants membantu meningkatkan 'peredaran darah', mereka menyertai BE sebagai IBO dan membeli dua set hanya untuk menyokong guru tersebut. Tetapi apa yang berlaku selepas itu merupakan apa yang disifatkannya sebagai permulaan kehidupan kedua mereka.

Terpesona dengan BE

Seperti kebanyakan pemimpin BE, KK dan Geok Hong sebenarnya memulakan perjalanan BE mereka setelah mendapat manfaat daripada produk-produknya. "Pada mulanya, kami hanya mahu berkongsi produk-produk hebat yang telah membantu memperbaiki kesihatan kami. Malah saya pernah menolak idea untuk menjalankan perniagaan ini dengan mengatakan yang "penjualan langsung tidak sesuai untuk kami." Tetapi semakin kami terdedah kepadanya, kami mendapati ia berkongsi nilai yang serupa



Kereta Impian



Keluarga dan upline KK. Semua ahli keluarga menjalankan perniagaan BE.

Bergambar dengan Founder



dengan kami. Perniagaan BE juga membantu ramai orang, dan bukan menjual semata-mata.”

KK membesar dengan pandangan bahawa takkan ada sesiapa yang akan membantu kita untuk berjaya melainkan diri kita sendiri. “Tetapi 6 tunggak BE dan pelan pemasarannya yang memudahkan semua orang berjaya. Saya pernah menjadi seorang yang diktatorial bila bekerja dengan orang tetapi di BE, saya belajar untuk mendengar. Pengasas kita adalah inspirasi terbesar saya: kalau beliau boleh mengetepikan egonya, kenapa tidak saya?”

Sementara itu, Geok Hong, seorang suri rumah yang berdedikasi selama lebih 20 tahun, gembira menemui platform BE yang telah membantunya berkembang dan melakukan sesuatu yang hebat. “Saya tidak pernah berasa saya mengorbankan kerjaya saya untuk menjadi suri rumah. Tetapi saya tahu hidup adalah lebih daripada itu.

Jadi, saya begitu aktif dalam aktiviti keagamaan dan kerja sukarela, melalui Enzyme Home. Tetapi dengan BE, ia menyeronokkan. Saya dapat memperbaiki kemahiran pengucapan awam dan intrapersonal saya.”

Jangan mudah goyah

Geok Hong menggambarkan perjalanan BE mereka seperti kisah Journey to the West. Ketika sami Tripitaka berlepas ke kerajaan Dahlia bersama murid-muridnya Monkey King, Pigsy and Sandy untuk mendapatkan kitab suci Buddha, beliau hanya mempunyai sebuah niat. Tripitaka berhadapan dengan pelbagai ujian, godaan dan halangan, tetapi beliau tidak pernah terpengaruh. “Samalah dengan perjalanan BE, sentiasa ingat kepada niat anda dan jangan mudah goyah.”



BE CAMP



Gambar bersama upline senior di BE Camp



“BE Recognition night”



Pasangan ini berkongsi pegangan mereka dalam perjalanan BE mereka, “Hormati pandangan, kagumi usaha dan pencapaian orang lain, hargai setiap insan yang kita temui, dan jangan lupa permulaan anda dan misi anda akan tercapai.”

“Berkata adalah lebih mudah daripada melakukan. Pejamkan mata, lakukannya sepenuh hati dan jangan mudah terpengaruh”.



Menghadiri Seminar